



PERTANDINGAN

PERSEMBAHAN TERBAIK & RATU PLACARD TERBAIK

MAJLIS PERASMIAN PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN

KALI KE-47 TAHUN 2026

SYARAT DAN PERATURAN



1.0 PENGENALAN

Acara yang dipertandingkan semasa Majlis Perasmian Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 adalah seperti berikut:

No	Acara
1.	Ratu Placard Terbaik
2.	Persembahan Terbaik

2.0 TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

2.1 Tarikh dan tempat pertandingan adalah seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan Majlis Perasmian PSKK 2026 seperti berikut:

Tarikh	15 November 2026 (Ahad)
Masa	7.30pm – 10.00pm
Lokasi	Dewan Tertutup Stadium Kombes, Shah Alam

2.2 Jawatankuasa Pertandingan Majlis Perasmian PSKK 2026 berhak membuat pindaan terhadap tarikh, masa atau tempat pertandingan sekiranya perlu atas faktor keselamatan, teknikal, operasi atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

3.0 PERATURAN AM

- 3.1 Peserta **WAJIB** terdiri daripada anggota agensi yang mewakili agensi masing-masing.
- 3.2 Setiap pasukan diminta mengisi borang pendaftaran yang disediakan oleh urusetia untuk tujuan rujukan dan rekod, pada atau sebelum **02 November 2026 (Isnin)**.
- 3.3 Peserta hendaklah berada di lokasi pada atau sebelum **6.00 petang**.



4.0 PAKAIAN

- 4.1 Peserta Ratu Placard dan pasukan persembahan hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian mengikut kreativiti kontinjen masing-masing, berdasarkan tema yang ditetapkan.
- 4.2 Penggunaan aksesori dan *props* adalah termasuk dalam pemarkahan juri.
- 4.3 Semua aksesori dan *props* yang digunakan adalah dibenarkan mengikut kesesuaian kontinjen masing-masing **KECUALI** seperti berikut:-
 - 4.3.1 *Props* berbentuk confetti, serpihan atau sebarang letupan; dan
 - 4.3.2 Penggunaan *props* yang tajam atau berbahaya.
- 4.4 Penggunaan lambang bersifat sensitiviti kaum, agama dan bangsa adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

5.0 JANGKA MASA

- 5.1 Masa yang ditetapkan untuk semua kategori pertandingan bagi setiap pasukan ialah seperti berikut :-

Persembahan : 3 - 5 minit

(Nota: Setiap kontinjen hendaklah mengadakan persembahan mengikut susunan giliran yang akan dimaklumkan kelak.)
- 5.2 Pemarkahan bagi kategori Ratu Placard akan bermula dan tamat di kawasan yang disediakan / ditandakan dalam dewan perasmian. Isyarat akan diberikan oleh urusetia yang bertugas.
- 5.3 Manakala bagi kategori Persembahan, setiap kontinjen akan mengadakan persembahan di dalam ruangan yang ditetapkan.



- 5.4 Masa persembahan diambil kira bermula daripada isyarat bersedia pasukan.

6.0 SYARAT PERTANDINGAN AM

- 6.1 Format acara adalah secara berpasukan.
- 6.2 Bagi pertandingan Ratu Placard dan Persembahan, setiap kontinjen **WAJIB** mengikut tema Majlis Perasmian PSKK 2026 dengan kreativiti masing-masing. Persembahan hendaklah bersesuaian dan tidak mengandungi sebarang unsur lucah, sensitif atau menyentuh isu berkaitan perkauman, agama dan politik.
- 6.3 Tema Majlis Perasmian PSKK 2026 adalah seperti berikut.

ARENA MASA HADAPAN

“Melangkaui Batas. Mencipta Kejuaaran.”

- 6.3 Persembahan berbentuk tarian tradisional adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 6.4 Jika menggunakan lagu minus one, kontinjen hendaklah membekalkan kepada urusetia selewat - lewatnya pada atau sebelum **9 November 2026**.
- 6.5 Penggunaan alat muzik atau instrumen ketika membuat persembahan adalah dibenarkan.
- 6.6 Setiap kontinjen perlu membawa peralatan sendiri (jika ada) dan menguruskan pemasangan sebelum persembahan bermula. Masa yang diperuntukkan **sekurang-kurangnya 2 minit** bagi tujuan pemasangan peralatan sebelum persembahan dimulakan.
- 6.7 Setiap Kontinjen **WAJIB** mengemas serta-merta peralatan yang digunakan selepas persembahan tamat bagi memberi laluan kepada pasukan lain yang akan membuat persembahan seterusnya.



7.0 SYARAT KHUSUS – PERARAKAN DAN PERTANDINGAN RATU PLACARD TERBAIK

7.1 Bilangan peserta adalah seramai 33 orang yang terdiri daripada:

- a) 30 orang peserta;
- b) 1 orang pembawa placard;
- c) 1 orang pembawa bendera; dan
- d) 1 orang Ketua Kontinjen

7.2. Arahan Perarakan

7.2.1 Ketua Perarakan yang memberikan arahan boleh berada di dalam perarakan ataupun di luar perarakan.

7.2.2 Semua pasukan perarakan hendaklah memberikan tanda hormat semasa melintas pentas utama VIP dan meneruskan perarakan ke kawasan berkumpul yang telah ditetapkan.

7.3 Pertandingan Ratu Placard Terbaik

7.3.1 Pertandingan Ratu Placard Terbaik diadakan bagi mengiktiraf pembawa placard yang menampilkan aspek keyakinan, kreativiti dan kesesuaian dengan tema sambutan.

7.3.2 Hadiah akan diberikan kepada Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga bagi Pertandingan Ratu Placard Terbaik.

8.0 SYARAT KHUSUS – PERTANDINGAN PERSEMBAHAN TERBAIK

8.1 Format pertandingan Persembahan Terbaik adalah secara berpasukan, dengan penyertaan maksimum seramai 30 orang bagi setiap pasukan. Ahli pasukan yang menyertai pertandingan persembahan hendaklah **terdiri daripada peserta yang sama terlibat dalam perarakan** (rujuk Perkara 7.1).



9.0 PENILAIAN PERTANDINGAN

9.1 Pemarkahan

Format pemarkahan Pertandingan Ratu Placard adalah seperti berikut:

Pertandingan Ratu Placard Terbaik	Markah (%)
Penampilan & Karisma	30%
Kreativiti Placard	30%
Pematuhan Tema	25%
Koordinasi dengan Pasukan Perarakan	15%
JUMLAH	100%

Format pemarkahan Pertandingan Persembahan adalah seperti berikut:

Pertandingan Persembahan Terbaik	Markah (%)
Koordinasi	40%
Kreativiti Persembahan	35%
Pematuhan Tema	25%
JUMLAH	100%

9.2 Penghakiman

9.2.1 Markah **Ratu Placard** dan **Persembahan** akan dinilai secara berasingan.

9.2.2 Keputusan panel hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.



9.2.3 Penganjur berhak menolak markah atau membatalkan penyertaan sekiranya terdapat unsur yang menyalahi garis panduan, tidak sopan, berbahaya atau menyentuh sensitiviti agama, kaum dan budaya.

9.3 Penalti

Penalti akan dikenakan seperti berikut.

Perkara	Penalti
Melebihi 5 minit	10 markah
Mempunyai unsur perkauman dan tidak menjaga sensitiviti	5 markah
<i>Confetti</i> , letupan dan serpihan kertas	5 markah



10.0 JURI PERTANDINGAN

10.1 Juri-juri untuk Ratu Placard dan Persembahan Terbaik ini adalah terdiri daripada seorang wakil bagi setiap agensi dan seorang Juri professional.

10.2 Juri professional terdiri daripada badan berkaitan (luar KWSP).

10.3 Juri tidak dibenarkan memberikan markah kepada kontinjen yang mewakili agensi yang sama dengan juri tersebut.

Contoh: Juri yang mewakili Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak dibenarkan memberikan markah kepada kontinjen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

10.4 Tiga (3) pemenang akan ditentukan daripada jumlah keseluruhan markah yang tertinggi.

10.5 Semua keputusan adalah **MUKTAMAD**.

11.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dimajukan kepada Urusetia Perasmian:

No.	Nama	No. Telefon
1	Mohd Shah Rizal Sabli	016-3875170
2	Ida Syarena Mohd Fahmy	010-220 3982